



## KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 12, Blok E7, Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8000 8000  
Faks: 03-8889 5542  
Email: anhisham@moh.gov.my

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : KKM600-28/2/11 Jld 2 (64)  
Tarikh : 7 Disember 2021

### SEPERTI DI SENARAI EDARAN

*YBhg Datuk/Dato' Indera/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,*

### PEKELILING KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA BIL. 23 TAHUN 2021: PELAKSANAAN ARAHAN BERKAITAN PENGURUSAN "*UNINTENDED RETAINED SURGICAL ITEM*"

#### 1. TUJUAN PEKELILING

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan berkenaan pelaksanaan arahan berkaitan pengurusan "*Unintended Retained Surgical Item*" dan penggunaan garis panduan bertajuk "*Guideline On The Management of Unintended Retained Surgical Item*" terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia.

#### 2. LATAR BELAKANG

2.1 *Unintended Retained Surgical Item (URSI)* atau alatan/bahan pembedahan yang tertinggal dalam tubuh pesakit secara tidak sengaja selepas pembedahan

merupakan insiden keselamatan pesakit yang perlu dielakkan. Ini kerana ia boleh membawa kemudaratan yang serius kepada pesakit.

- 2.2 Pencegahan URSI merupakan salah satu objektif utama dalam Program *Safe Surgery Saves Lives* yang diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan pada tahun 2009. Ia juga telah dijadikan salah satu daripada *Malaysian Patient Safety Goals* sejak tahun 2013 dan diteruskan dalam *Malaysian Patient Safety Goals 2.0* yang akan dilaksanakan mulai tahun 2022.

### 3. KATEGORI 'UNINTEDED RETAINED SURGICAL ITEM'

insiden URSI dibahagikan kepada 3 kategori berikut :

- a) **Kategori 1** : Pasukan pembedahan sedia maklum bahawa terdapat alatan/bahan yang digunakan semasa pembedahan tertinggal dalam tubuh pesakit. Namun memutuskan untuk meninggalkan alatan tersebut dalam tubuh pesakit memandangkan risiko kepada pesakit adalah lebih tinggi sekiranya ia cuba dikeluarkan. Sebagai contoh *drill bit* yang patah di dalam tulang.
- b) **Kategori 2** : Pasukan pembedahan sedar bahawa terdapat perbezaan kiraan alatan/bahan yang digunakan sebelum dan selepas tamat pembedahan. Namun alatan / bahan tersebut masih tidak dapat dikesan, walaupun setelah usaha mencari telah dijalankan mengikut SOP.

c) **Kategori 3** : Pasukan pembedahan tidak menyedari bahawa terdapat alatan/bahan yang digunakan semasa pembedahan tertinggal dalam tubuh pesakit walaupun pembedahan telah selesai. Insiden URSI hanya dikesan setelah pesakit menunjukkan simptom URSI atau pun URSI tersebut ditemui secara tidak sengaja.

\*Bahan yang ditinggalkan untuk tujuan rawatan tidak dikategorikan sebagai URSI.

#### **4. DOKUMEN GARIS PANDUAN PERLAKSANAAN**

Pekeliling ini harus dibaca bersekali dengan "***Guideline On The Management of Unintended Retained Surgical Item***" terbitan Kementerian Kesihatan Malaysia, 2021. Ia menerangkan dengan terperinci mengenai definisi, objektif, kaedah pengurusan URSI dan informasi berkaitan sekiranya insiden ini terjadi. Garispanduan dan borang yang digunakan boleh dimuat-turun di laman sesawang <https://patientsafety.moh.gov.my/v2> .

#### **5. TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB PEMANTAUAN DAN PELAKSANAAN ARAHAN PENGURUSAN "UNINTENDED RETAINED SURGICAL ITEM"**

5.1 Pengarah Hospital/Institusi Perubatan di mana pembedahan dijalankan perlu memastikan hospital/institusi di bawah jagaan beliau mengetahui arahan ini, melaksanakan, memantau dan menyiasat serta melaporkan jika insiden ini terjadi.



Penambahbaikan juga perlu diambil berdasarkan hasil penemuan *Root Cause Analysis* bagi mengelakkan insiden yang sama berulang.

5.2 Jawatankuasa *Safe Surgery Saves Lives* di peringkat hospital, negeri dan kebangsaan perlu mengambil tindakan bersesuaian untuk memastikan pelaksanaan arahan ini di samping memantau dan mengambil tindakan agar insiden URSI dapat dielakkan.

5.3 Ketua Jabatan "*Surgical Based Discipline*", pakar-pakar pembedahan, penyelia jururawat di dewan bedah perlu memberi penerangan berkenaan arahan ini dan memastikan ia dipatuhi oleh anggota.

## 6. TARIKH KUATKUASA PELAKSANAAN

Arahan di dalam Surat Pekeliling ini adalah **berkuatkuasa sepenuhnya mulai 1 Januari 2022**.

## 7. PERTANYAAN

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada:

Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan

Bahagian Perkembangan Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Aras 4, Blok E1, Kompleks E,

62590 Putrajaya

No. Telefon : 03-88831180

## 8. PENUTUP

YBhg. Datuk/ Dato'/ Dato' Indera/ Datin/ Tuan/ Puan adalah bertanggungjawab untuk memastikan arahan dalam pekeliling ini dihebahkan dan dipatuhi. Komitmen dari semua pihak adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

*Saya yang menjalankan amanah,*

(TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH)



s.k.

- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)
- Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Penyelidikan & Sokongan Teknikal)
- Pengarah Kanan Kesihatan Pergigian
- Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi
- Pengarah Bahagian Perkembangan Perubatan
- Pengarah Bahagian Amalan Perubatan
- Pengarah Bahagian Kejururawatan
- Timbalan Pengarah Cawangan Kualiti Penjagaan Perubatan
- Ahli Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia
- Sekretariat Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia

## **SENARAI EDARAN**

**Pengarah**

Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentara Malaysia

**Pengarah**

Bahagian Kawalan Penyakit

**Pengarah**

Bahagian Perkembangan Perubatan

**Pengarah**

Bahagian Pembangunan Kesihatan Keluarga

**Pengarah**

Bahagian Perkembangan Kesihatan Awam

**Pengarah**

Bahagian Kejururawatan

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Perlis

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Kedah

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Perak

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Selangor

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur & Putrajaya

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Negeri Sembilan

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Melaka

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Johor

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Pahang

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

**Pengarah Kesihatan Negeri**

Jabatan Kesihatan WP Labuan

**Pengarah**

Hospital Kuala Lumpur

**Pengarah**

Institut Kanser Negara



**Pengarah**

Pusat Darah Negara

**Pengarah**

Institut Perubatan Respiratori

**Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan**

Markas Angkatan Tentera Malaysia

Bahagian Perkhidmatan Kesihatan

**Pengarah**

Pusat Perubatan Universiti Malaya

**Pengarah**

Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia

**Pengarah**

Hospital Universiti Sains Malaysia

**Pengarah**

Hospital Hospital Pengajar Universiti Putra Malaysia

**Pengarah**

Hospital Universiti Teknologi Mara

**Pengarah**

Hospital Universiti Islam Antarabangsa

**Presiden**

*Association Of Private Hospitals, Malaysia (APHM)*

**Ahli**

Majlis Keselamatan Pesakit Malaysia